

IMPAK PENUBUHAN SEKOLAH ZAKAT TERHADAP PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK ASNAF DI KEDAH.

Azizah Othman

Universiti Utara Malaysia

Mohd Adil Mustaffa

Mohd Khairi Ishak

Lembaga Zakat Negeri Kedah

ABSTRAK

Pendidikan dalam Islam sangat penting kerana ayat al-Quran pertama kali diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah surah al-'Alaq ayat satu hingga lima. Proses untuk mencapai pendidikan yang baik memerlukan dana kewangan yang tinggi dan tidak semua orang yang mampu, terutamanya golongan asnaf fakir dan miskin. Kemiskinan harta yang digabungkan dengan kemiskinan jiwa sangat merbahaya kerana dapat mendorong individu tersebut cepat putus asa dan hidup dalam kekecewaan. Zakat sebagai instrumen yang menjamin keadilan sosial dalam masyarakat dapat berperanan aktif dan efisien untuk membantu keluarga yang miskin. Tidak adil membiarkan orang miskin terus hidup dalam kemiskinan harta benda, kerana sumbangan kepada institusi kewangan Islam dapat memberi harapan kepada asnaf untuk mengubah status kehidupan, terutama melalui bantuan pendidikan. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam membantu pelajar-pelajar asnaf fakir dan miskin dengan penubuhan Sekolah Zakat. Sekolah Zakat melibatkan tiga buah sekolah iaitu Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Sik dan Pondok Moden Zakat Kedah. Kesemua sekolah zakat ini dibiayai sepenuhnya oleh LZNK. Metodologi kualitatif dilakukan dengan menemu bual informan yang berkaitan dengan isu yang dikaji dan meneliti dokumen-dokumen yang relevan dengan kajian. Penubuhan Sekolah Zakat telah memberikan manfaat kepada hampir 439 orang pelajar. Mereka ini ditaja 100% pengajian mereka termasuk yuran asrama, yuran pengajian, buku-buku dan yuran makan. Kajian juga mendapati pelajar Sekolah Zakat dapat belajar dengan selesa dan mempunyai motivasi yang tinggi untuk berjaya. Kajian turut mencadangkan agar LZNK menyediakan wang poket dan wang tambang untuk pelajar pulang ke kampung serta turut melihat nutrisi yang sihat untuk anak-anak asnaf.

Kata kunci: Zakat Pendidikan, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Sekolah Zakat, Asnaf fakir dan miskin, *Fisabilillah*

1. PENGENALAN

Kepentingan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna serta sama rata kepada semua lapisan masyarakat sangat ditekankan di dalam Islam. Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menekankan kepentingan aspek pendidikan dalam pembinaan tamadun manusia. Selain itu, Rasulullah SAW juga amat mementingkan pendidikan, baginda telah mengadakan kelas mempelajari Islam di rumah Arqam bin Abi al-Arqam (Hamim Hafiddin, 2015) serta baginda meletakkan syarat bagi tawanan Badar yang hendak dilepaskan hendaklah mengajar anak-anak orang Islam mengenal huruf, membaca dan menulis (Hamizul Abdul Hamid (2017).

Menurut Haron Daud (1995), Za'aba menyatakan ilmu dan pendidikan mempunyai kaitan dengan kemiskinan jiwa. Kemiskinan jiwa ini boleh merosakkan kehidupan manusia, kerana manusia akan terdedah melakukan hal-hal yang dilarang oleh agama dan undang-undang negara. Disamping itu, masyarakat yang miskin ilmu dan pendidikan ini juga mempunyai hubungan dengan kemiskinan harta. Masyarakat yang keadaan ekonominya tidak stabil atau relatifnya miskin tidak mampu memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka dan tidak berupaya membina kehidupan yang lebih baik. Hal ini bertambah parah apabila kemiskinan harta ditambah dengan kemiskinan jiwa akan mendorong individu berkenaan untuk menggadaikan maruah diri dan akidah demi sesuap nasi (Hamizul Abdul Hamid, 2017).

Di sinilah pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan tamadun manusia dan pembangunan sosial negara. Jika hal berkaitan pendidikan dan ilmu pengetahuan diabaikan, ia akan memberi impak negatif kepada pembangunan sesebuah negara. Zakat juga dianggap sebagai indikator untuk menentukan kesejahteraan rakyat. Ini kerana formula terbaik dalam memastikan ekonomi negara mapan adalah dengan memastikan ekonomi negara meningkat dan ini secara langsung memberi kesan dalam peningkatan jumlah zakat. Melalui pelaksanaan zakat di Malaysia, rakyat yang berada di dalam kategori penerima zakat dapat dibantu dengan sebaiknya.

Oleh itu, institusi zakat sebagai institusi kewangan Islam perlu terus giat memainkan peranan dalam menyalurkan bantuan dana zakat pendidikan kepada golongan asnaf dan memastikan tiada golongan asnaf fakir dan miskin yang tercicir dalam mendapatkan peluang pendidikan pada semua peringkat. Ini kerana bantuan pendidikan amat penting dalam membantu asnaf fakir dan miskin di dalam mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kelompok kemiskinan dan berjaya seperti orang lain.

2. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian lapangan berbentuk temu bual separa berstruktur dan kaedah analisis dokumen. Kaedah penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan yang mendalam untuk mendapatkan dapatan yang komprehensif bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2013). Data dan maklumat yang diperolehi daripada temu bual

informan dan dokumen-dokumen berkaitan daripada laman portal rasmi LZNK dan laporan tahunan yang dianalisis secara analisis kandungan bersesuaian dengan objektif kertas kerja ini. Informan temu bual terdiri daripada pihak pengurusan Unit Pendidikan di LZNK dan pelajar-pelajar Sekolah Zakat.

3. BANTUAN ZAKAT PENDIDIKAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

LZNK telah memainkan peranan yang proaktif dalam membantu asnaf melalui pelbagai bantuan pendidikan. Jumlah agihan yang besar telah disalurkan kepada pembangunan pendidikan melalui pelbagai program. Antara bantuan yang diberikan ialah Penubuhan Sekolah Zakat, Bantuan Yuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Persekolahan Bulanan, biasiswa, dermasiswa dan bantuan-bantuan lain. Tiga golongan asnaf yang terlibat dalam bantuan pendidikan LZNK ialah asnaf fakir, asnaf miskin dan asnaf *fi-sabilillah*. Tafsiran asnaf tersebut adalah berdasarkan Enakmen Agama Islam Negeri Kedah seperti berikut:

Asnaf fakir

Adalah orang tiada harta pendapatan yang mencukupi untuknya dan keperluannya. Tidak mempunyai keluarga untuk mencukupkan nafkahnya seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Contohnya ia memerlukan RM10 sehari tetapi hanya mampu RM3 sahaja.

Asnaf Miskin

Mempunyai kemampuan usaha untuk mendapatkan keperluan hidupnya tetapi tidak mencukupi sepenuhnya. Sebagai contoh seseorang miskin memerlukan RM10 tetapi hanya memperolehi RM8.

Asnaf Fi-Sabilillah

Fi-sabilillah ialah perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah.

Bantuan LZNK untuk pendidikan bermula dari sekolah menengah hingga ke tahap pendidikan yang lebih tinggi seperti pengajian doktor falsafah. Pada Januari 2018, LZNK telah membuat agihan balik zakat berjumlah RM 3,377,108.40 kepada JPN Kedah. Melalui skim agihan balik zakat ini, LZNK memberi kuasa kepada JPN Kedah untuk menguruskan agihan balik sebanyak 3/8 daripada jumlah kutipan bayaran zakat yang disumbang oleh warga pendidik di Negeri Kedah kepada golongan asnaf fakir, miskin dan fisabilillah (www.zakatkedah.com.my). Seterusnya Sinar Harian (2019) melaporkan LZNK telah memperuntukan RM6.13 juta bagi bantuan pendidikan. Peruntukan ini adalah untuk membantu golongan sasaran melalui Bantuan Pendidikan Negeri Kedah. Menurut ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LZNK, Syeikh Zakaria Othman peruntukan kewangan berkenaan diagihkan kepada penerima mengikut kategori masing-masing.

4. PENUBUHAN SEKOLAH ZAKAT

Bagi memastikan pendidikan anak-anak asnaf terjamin LZNK telah mengambil pendekatan dengan menubuhkan Sekolah Zakat. Terdapat tiga buah sekolah zakat yang telah ditubuhkan di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah iaitu Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Maahad Dini Sultan Abdul Halim, Sik dan Pondok Moden Zakat Kedah. Kesemua Sekolah Zakat ini dibiayai sepenuhnya oleh LZNK seperti yuran pelajar, yuran makanan, yuran asrama serta perbelanjaan pengurusan sekolah. Pelajar di Sekolah Zakat ini adalah kategori pelajar daripada keluarga asnaf fakir, asnaf miskin dan asnaf *fisabilillah* di seluruh negeri Kedah. Kesemua pelajar ini yang mengikuti pengajian di Sekolah Zakat ini dipilih melalui sesi temuduga yang dijalankan di sekolah tersebut.

i) Maahad Dini Sultan Abdul Halim

Maahad Dini Sultan Abdul Halim terbahagi kepada dua buah sekolah iaitu Maahad Dini Sultan Abdul Halim (Alor Setar) yang terletak di Jalan Suka Menanti, Alor Setar yang bermula pada tahun 2018 dan Maahad Dini Sultan Abdul Halim (Sik) pula terletak di Kampung Belantik, Sik pada 2019. Bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dunia dan akhirah, Maahad Dini ini telah menetapkan Matlamat, Visi, Misi dan Moto sekolah. Matlamat Pendidikan Maahad ini ialah usaha pendidikan berterusan melalui landasan kokurikulum selari dengan visi dan misi kearah kemajuan dan kejayaan individu dalam kehidupan berteraskan nilai-nilai ukhrawi, duniawi dan kasih sayang. Melahirkan muslim yang beriman, berakhlak mulia, berpengetahuan dan beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, Negara dan ummah. Seterusnya Visi Maahad Dini ialah menjadi sekolah asnaf yang terunggul di peringkat nasional menjelang tahun 2022. Misi Maahad Dini pula ialah melaksanakan sistem pendidikan yang terbaik dari sudut akademik dan dini bagi melahirkan modal insan yang menguasai pelbagai disiplin ilmu ke arah memenuhi aspirasi negara. Maahad Dini juga berpegang kepada moto “Al-Ilmu, Al-Amal, Al-Taqwa”. Menurut pegawai di LZNK;

“ Kita ada Maahad Addini Sultan Abdul Halim di cawangan Kota Setar dua tahun lepas dan tahun ini kita buka satu lagi cawangan di Sik dengan pembiayaan penuh kepada pelajar. Kita dalam perancangan nak tambah satu lagi di Pendang”
(Informan A, 2019)

Bagi sistem pengajian di Maahad Dini, sistem pengajian sekolah ini menggabungkan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah(KSSM). Pelajar di Maahad Dini ini perlu mengambil semua peperiksaan awam seperti Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Agama Malaysia (STAM). Selain itu, para pelajar juga mengambil peperiksaan yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAIK) iaitu Sijil Menengah Agama (SMA) di tingkatan 4 dan Sijil Tingi Agama (STA) di tingkatan 6.

ii) Pondok Moden Zakat Kedah (PMZK)

Pondok Moden Zakat Kedah (PMZK) pula merupakan Pondok Moden yang pertama yang ditubuhkan di Negeri Kedah pada tahun 2018. Penubuhan Pondok Moden Zakat Kedah adalah daripada cetusan idea Syeikh Zakaria bin Othman iaitu Ketua Pegawai Eksekutif LZNK. Beliau

memperoleh idea ini setelah mengadakan siri jelajah di beberapa buah pondok dan Institusi Pendidikan di Malaysia. Cetusan idea ini disambut baik oleh Sahibus Samahah Dato' Mufti Kedah, Syeikh Fadhil Awang dan beliau turut bersama-sama berusaha menjayakan hasrat penubuhan PMZK. Tujuan penubuhan Pondok Moden ini adalah untuk melahirkan Ulama' yang kompeten dalam bidang ilmu agama dan ilmu duniawi yang sentiasa bersedia untuk menjadi barisan kepimpinan dimasa akan datang.

"Kita ada Pondok Moden Zakat. Kemasukan ke pondok ini bermula dari Tingkatan 4, Tingkatan 5 dan Tingkatan 6. Tingkatan 6 tu ambil STAM. Dari segi kaedah pengajian depa ada tiga pilihan. Yang pertama tahfiz, yang kedua akademik dan ketiga turath"
(Informan A, 2019)

Sistem pendidikan yang digunapakai di PMZK adalah berdasarkan sistem pendidikan di Pondok Moden Darussalam, Indonesia dan Pondok Moden Al-Abaqirah (MAIWP). Kedua-dua pondok ini menjadi rujukan utama dalam menghasilkan modul pendidikan di PMZK. PMZK menggunakan empat kurikulum utama iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Turath Arabi, Turath Jawi dan Hafazan al-Quran bagi melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri ulama' yang *faqeh* dan bersedia untuk memberi khidmat kepada ummah. Falsafah PMZK adalah mewujudkan pelajar yang penuh keilmuan dengan ketaqwaan serta memiliki sahsiah yang unggul serta berprofesionalisme. Seterusnya bagi mencapai tujuan penubuhan PMZK melahirkan ulama' yang kompeten dalam bidang ilmu agama dan ilmu duniawi, maka PMZK telah menetapkan Visi, Misi dan Moto. Visi PMZK ialah melahirkan tokoh yang benar-benar berwibawa dan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang agama. Bagi mencapai visi tersebut, maka misi perlu dibentuk oleh itu PMZK berusaha menjadikan Pondok Moden ini yang terbaik di Negeri Kedah dan mampu melahirkan golongan cendekiawan Islam yang menguasai pelbagai disiplin ilmu dan pendidikan yang bersepadu sebagai pelapis kepimpinan di masa akan datang. Seterusnya moto PMZK pula ialah "Melahirkan Ulama' Rabbaniyah yang berkepimpinan untuk Ummah Sejagat".

LZNK berharap agar dengan penubuhan sekolah zakat ini, masyarakat akan terus menyokong Zakat Kedah demi membantu golongan asnaf di Negeri Kedah sekaligus dapat memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak asnaf

Bilangan pelajar Sekolah Zakat adalah seramai 439 orang yang telah dipilih melalui sesi temuduga oleh pihak LZNK.

| Bil | Nama Sekolah | Jumlah Pelajar |
|-----|--------------------------|----------------|
| 1 | MAAHAD DINI ALOR SETAR | 235 |
| 2 | MAAHAD DINI SIK | 112 |
| 3 | PONDOK MODEN ZAKAT KEDAH | 92 |

Jadual 1: Bilangan Pelajar Sekolah Zakat

5. IMPAK PENUBUHAN SEKOLAH ZAKAT

IMPAK DARI ASPEK KEWANGAN

Penubuhan Sekolah Zakat sangat membantu dalam meningkatkan motivasi pembelajaran anak-anak asnaf. Pelajar-pelajar Sekolah Zakat ditanggung sepenuhnya persekolahan mereka di Sekolah Zakat termasuk yuran, buku-buku dan makan. Pemberian bantuan ini mampu memberi motivasi dan semangat kepada anak-anak asnaf untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Menurut seorang pelajar Pondok Moden Zakat;

*“Cikgu-cikgu selalu bagi semangat kata kita harus menuntut ilmu jaga adab kita. Macam dia kata faktor itu yang menyebabkan saya minatlah belajar tak berpaling dah.”
(Informan A9, 2019)*


Majoriti pelajar Sekolah Zakat adalah kategori asnaf fakir dan miskin yang ibu bapa mereka adalah penoreh getah, pesawah dan peniaga kecil. Dengan memasuki Sekolah Zakat ini dapat mengurangkan beban kewangan keluarga mereka kerana semua perbelanjaan pengajian di tanggung oleh LZNK. Pandangan seorang pelajar Maahad Dini Alor Setar;

*“ Sebab kita orang susah untuk berjaya payah sikit sebab sekolah lain banyak guna duit. Saya pilih Maahad Dini pun sebab tak guna banyak duit sangat. Mak pun kerja jual nasi lemak saja”
(Informan A1, 2019)*

IMPAK DARI ASPEK SOSIAL

Selain impak kewangan, kesan dari segi sosial juga telah dikenalpasti. Kebanyakan informan yang ditemubual sangat menghargai peluang yang diberikan kepada mereka. Anak-anak asnaf ini diberi peluang bagi menjalani kehidupan yang selesa bagi mereka membolehkan mereka fokus dalam pembelajaran serta memaksimumkan potensi yang ada dalam diri mereka. Ini adalah bagi mengurangkan tanggungan ibu bapa mereka serta mengurangkan risiko keciciran dalam pelajaran. Selain itu, terdapat juga kursus motivasi yang diadakan oleh LZNK kepada anak-anak asnaf bagi memberi sokongan dan peransang untuk mereka cemerlang di dalam pelajaran. Semua yang dilaksanakan oleh LZNK ini bertujuan bagi menyediakan peluang pendidikan yang adil bagi semua anak-anak asnaf serta memastikan mereka mampu mencapai potensi sebenar dalam diri mereka. Pandangan seorang pelajar Maahad Dini;

*“sebab depa bantu orang asnaf ni kan, dia kan buat golongan ini akan berasa gembiralah sebab depa dapat teruskan pendidikan walaupun depa x da duit”
(Informan A1, 2019)*



Rajah 1: Impak dari aspek sosial

6. KESIMPULAN

Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyalurkan agihan yang besar terhadap penubuhan Sekolah Zakat untuk membangunkan pendidikan anak-anak asnaf dan mengelakkan keciciran pelajaran. Ini membuktikan bahawa peranan LZNK sangat besar dan signifikan terutama dalam bidang pengajian Islam kearah melahirkan lebih ramai cendekiawan Islam di Kedah. Usaha ini akan membuatkan prestasi LZNK semakin penting dan semakin diyakini oleh masyarakat dari aspek tadbir urus korporat seterusnya dapat meningkatkan lagi kutipan dan agihan zakat di masa akan datang.

Kebanyakan pelajar yang menerima bantuan zakat dapat menjalani proses pembelajaran dengan selesa kerana dapat tinggal di asrama dan tidak perlu memikirkan masalah yuran dan kos buku rujukan. Ini dibuktikan dengan pencapaian keputusan peperiksaan mereka yang semakin baik berbanding sebelum ini. Masalah seperti duit poket dan tambang pengangkutan juga boleh dilihat semula oleh LZNK untuk anak-anak asnaf yang tinggal jauh dari asrama. Pemberian bantuan nutrisi yang sihat untuk kesihatan anak-anak asnaf perlu juga diberi perhatian oleh pihak LZNK.

Untuk kajian akan datang, penelitian perlu dibuat dari aspek sejauhmana impak seluruh bantuan kewangan dan program pendidikan yang dilaksanakan oleh LZNK kepada asnaf-asnaf yang terlibat. Ini kerana setiap wang zakat yang dibelanjakan perlu dinilai pulangnya kepada pembangunan sosioekonomi ummah.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah kerana membiayai penyelidikan ini melalui Geran IPIZ. Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk “ **Keberkesanan Agihan Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Anak-anak Asnaf di Kedah**” di bawah Dana Geran IPIZ, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 14121.

CORRESPONDING AUTHOR

Azizah Othman, Senior Lecturer, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: o.azizah@uum.edu.my

RUJUKAN

- Ab Rahman, A., & Anwar, S. M. (2014). Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia. *Proceeding, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9, Kuala Terengganu, Terengganu*, 17-19.
- Berita Harian (2019, 11 Oktober). Pendidikan terima peruntukan tertinggi. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/10/616641/pendidikan-terima-peruntukan-tertinggi>
- Cavana, R. Y., Delahaye, B. L., & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research : Qualitative And Quantitative Methods*. John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry And Research Design : Choosing Among Five Traditions* (1st ed.). California: SAGE Publications.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mix Method Approaches* (3rd ed.). California: Sage Publication, Inc.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mix Method Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hamim Hafiddin. (2015). Pendidikan Islam Pada Masa Rasulullah. *Jurnal Tarbiya* Volume: 1 No: 1. Bandung: Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Jati.
- Hamizul Abdul hamid (2017). Menangani Kemiskinan Melalui Pendidikan Asnaf: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor. Dibentangkan di Persidangan Pilantrofi Untuk Bantuan Kemanusiaan 2017, pada 26 – 27 Sya’aban 1438 / 23 – 24 May 2017, di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam.
- Marzuki, M., Mapjabil, J., & Mohd Zainol, R. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198.
- Mohammed Yusoff (2011). Zakat Expenditure, School Enrollment, and Economic Growth In Malaysia. *International Journal of Business and Social Sciences*, 2(6).
- Mohammed Yusoff (2014). Zakat Distribution, Education, And Real Income Per Capita In Malaysia. *Journal Of Strategic and International Studies*, VI(3).
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research : A Guide To Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.

- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis : A Method Sourcebook* (3rd Editio). United States: Sage Publication, Inc.
- Othman, Y., & bin Abdul Mukti, M. F. (2018). Memperkasa Institusi Pendidikan Melalui Agihan Balik Zakat. *International Journal of Muamalat*, Vol.2, Issue 1
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods* (3rd ed.). California: Sage Publication, Inc.
- Radzi, N. M., & Ahmad, N. A. (2017). Peranan zakat dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(3), 1-13.
- Rashid, S. M. R. A., & Samat, N. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan (Family poverty and its influence on rural community low education: Case study in Bachok District, Kelantan). *e-Bangi*, 15(2).
- Sinar Harian (2019, 23 Mei). LZNK Peruntuk RM6.13 juta Bantuan Pendidikan. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/29603/EDISI/Utara/LZNK-peruntuk-RM613-juta-bantuan-pendidikan>
- Shenton, A. K. (2004). Strategies for ensuring trustworthiness in qualitative research projects. *Education for Information*, 22, 63–75. <http://doi.org/10.1111/j.1744-618X.2000.tb00391.x>
- Taib, M. S. M., Mujani, W. K., Rozali, E. A., & Talib, K. A. (2017). Perkembangan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia. *International Journal of West Asian Studies*, 9(1).
- Tamuri, A. H., Mahmud, Z., & Bari, S. (2005). Permasalahan pelajar-pelajar fakir miskin di daerah Sabak Bernam. *Jurnal Pendidikan*, 30, 21-33.
- Temu bual dengan pihak pengurusan Lembaga Zakat Negeri Kedah, Alor Setar pada 9 Januari 2019 jam 10 pagi.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shahrudin Ahmad dan Noraziah Ali. (2014). *Faktor Budaya dan Persekitaran Dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli Malaysia: Kajian Kes di Kelantan*. GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space 10, Issue 5. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakiah Jamaludin (2011) Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37. pp. 5-17.
- Zin, N. A. M., & Tambi, N. (2018). Faktor Kemiskinan Bandar terhadap Pembangunan Pendidikan Golongan Lewat Kembang (Factors of Urban Poverty towards the Development of Late Bloomer's Education). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3).